

SOALAN NO: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 31 JULAI 2017

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bila Akta Skim Insurans Pekerja akan dibentang di Dewan Rakyat untuk di bahas.

PR-1352-L01490

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang memuktamadkan cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan atau dikenali SIP untuk kelulusan Kerajaan dalam masa terdekat. SIP adalah antara fokus utama KSM dan rang undang-undang berkaitan SIP dijangka dibentangkan dalam sesi persidangan Parlimen pada tahun ini.

SOALAN (82)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 31 JULAI 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :

YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terkesan hasil pembangunan yang dilaksanakan menerusi Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dalam tempoh 18 tahun (2007-2025) sebagai mewujudkan paradigm ke arah mentransformasi masyarakat luar bandar di Sabah dan apakah program yang dilaksanakan dalam SDC bagi merintis laluan Sabah sebagai negeri termaju menjelang 2025.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah memacu negeri Sabah dan penduduknya ke tahap pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih tinggi dengan memanfaatkan khazanah semula jadinya dengan sebaik mungkin. Empat (4) sektor telah dikenal pasti sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ini iaitu pertanian, pelancongan, pembuatan, dan logistik.

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM2.15 bilion untuk pembangunan SDC dan RM2.01 bilion telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar dan pendalaman negeri Sabah. Melalui projek-projek pembangunan yang dilaksanakan ini, SDC telah berjaya menarik pelaburan terkumpul sebanyak RM162.90 bilion di mana RM62.33 bilion telah direalisasikan dan mewujudkan sebanyak 184,209 peluang pekerjaan untuk dimanfaatkan oleh rakyat Sabah. SDC juga telah memacu ekonomi masyarakat Sabah dan berjaya menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Sabah sehingga mencecah 6.1 peratus.

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah melaksanakan projek-projek pembangunan di seluruh Sabah di bawah SDC dan projek-projek ini termasuklah pembinaan jalan raya, pemuliharaan hutan, pusat penternakan, projek mini estet (MESEJ), ekopelancongan, penyediaan infrastruktur hab pendidikan dan pusat inkubator pembangunan kandungan kreatif. Antara projek-projek berimpak tinggi termasuklah projek Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di Sandakan dan Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC) yang bertujuan meningkatkan pengeluaran daging dan tenusu untuk kegunaan domestik dan pengeksportan. Satu lagi projek berimpak tinggi di bawah inisiatif SDC ialah Hab Pendidikan Sandakan yang akan menumpukan bukan sahaja kepada sistem pembelajaran tetapi juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam serta infrastruktur yang lengkap, moden dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, pusat inkubator pembangunan kandungan kreatif diwujudkan di daerah Penampang sebagai pusat kemahiran dan pembangunan bakat untuk menjana dan mencungkil kreativiti peserta.

SDC turut memberikan tumpuan kepada pembangunan logistik memandangkan Sabah terletak di lokasi strategik di tengah-tengah laluan perkapalan yang sibuk menghubungkan Timur Jauh dan Barat.

Dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, yang merupakan lapangan terbang antara yang tersibuk di Malaysia dan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar beroperasi untuk laluan perdagangan negeri dan berfungsi sebagai "hub" untuk kargo kontena di Sabah, negeri Sabah berupaya menawarkan kemudahan logistik, perhubungan dan akses yang mantap di rantau ini. Projek-projek seperti projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, pembinaan kemudahan dan infrastruktur untuk *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) di Sandakan dan di Lahad Datu dan Kajian Hab Penerbangan dan Logistik Fret Udara menjangkakan prospek pengendalian kontena dan kargo yang memberangsangkan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

31 Julai 2017